

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

SOALAN : NO. 508

YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan di antara peminjam PTPTN yang belum selesaikan hutang, nyatakan seperti berikut :-

- (a) jumlah gagal bayar dari IPTA/IPTS; dan
- (b) jumlah yang kini sedang bekerja/menganggur, dan jumlah pemegang Ijazah/Diploma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2015, seramai 401,997 orang peminjam IPTA dan 260,986 orang peminjam IPTS gagal membuat bayaran balik.
- (b) Pihak PTPTN tidak mempunyai maklumat peminjam mengikut status pekerjaan. Sehingga 31 Disember 2015, PTPTN telah meluluskan sebanyak 80,241 pembiayaan di peringkat diploma dan 91,784 pembiayaan di peringkat ijazah.